

10 JUL 2004

Pemuda-Mukhriz

MUKHRIZ BELUM BERSEDIA TANDING JAWATAN NAIB KETUA PEMUDA

ALOR STAR, 10 Julai (Bernama) -- Datuk Mukhriz Tun Dr Mahathir berkata

beliau belum bersedia untuk menerima dan bertanding jawatan naib ketua

Pemuda Umno pada pemilihan parti September ini.

"Pada masa ini fikiran saya lebih tumpu kepada jawatan Exco Pemuda yang saya lihat lebih cerah peluang untuk menang. Biarlah mereka yang lebih berpengalaman dan lama dalam pergerakan pemuda bertanding naib ketua.

"Saya belum fikir untuk bertanding naib ketua dan saya tidak akan kempen untuk jawatan itu," katanya ketika dihubungi Bernama hari ini.

Anak bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad itu mendapat pencalonan untuk merebut jawatan itu daripada Pemuda Umno Bahagian Kubang

Pasu yang mengadakan persidangan perwakilannya semalam.

Pada persidangan itu, Mukhriz, 40, tewas dalam pemilihan jawatan ketua pemuda bahagian kepada Zulkifli @ Md Ros Ahmad yang mendapat 141 undi berbanding 132 yang diperolehinya.

Selain Mukhriz dan Datuk Azimi Daim yang masing-masing mendapat satu pencalonan setakat ini, seorang lagi yang dicalonkan bagi jawatan naib ketua ialah Khairy Jamaluddin yang telah menerima 21 pencalonan.

Mukhriz berkata beliau telah menerima panggilan telefon daripada rakan-rakan dan juga daripada mereka yang tidak dikenali, menyuruh bertanding jawatan naib ketua pemuda.

"Walaupun ada desakan saya bertanding naib ketua, saya harus lihat dahulu apa rasional desakan untuk menyuruh saya bertanding jawatan itu," katanya.

Sementara itu mengulas mengenai keputusan pemilihan persidangan perwakilan Pemuda Umno Kubang Pasu, Mukhriz berkata beliau menerima keputusan pemilihan itu dengan hati terbuka.

Katanya, kekalahan itu tidak akan menghalang beliau daripada terus menyumbangkan bakti kepada penduduk kawasan berkenaan.

"Sepanjang tempoh singkat berkempen pemilihan jawatan pemuda itu saya temui ramai pemuda, orang berusia dan dari situ saya mengenalpasti

beberapa masalah, rintihan seperti bidang pendidikan, keusahawanan dan kemiskinan yang boleh dibantu.

"Saya akan lebih kerap kembali ke Kubang Pasu bagi memberi perkhidmatan dan menolong masyarakat di situ dengan sedaya upaya," katanya sambil menambah bahawa inisiatif bagi mengatasi masalah berkenaan akan dilakukan dengan kerjasama pergerakan Pemuda Umno Kubang Pasu.

-- BERNAMA

MZM MOZ